From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Thursday, 14 April, 2022 2:16:01 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kepakaran UUM Tarik Minat Universiti Di Nigeria


UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

14 APRIL 2022 / 12 RAMADAN 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: CIAC

KEPAKARAN UUM TARIK MINAT UNIVERSITI DI NIGERIA



UUM ONLINE: Kepakaran yang dimiliki Universiti Utara Malaysia (UUM) khususnya dalam bidang keusahawanan telah menarik minat Yusuf Maitama Sule University (YUMSUK), Kano, Nigeria untuk pembangunan program akademik mereka.

Mesyuarat pembangunan program akademik diadakan secara maya itu dipengerusikan oleh Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah, manakala YUMSUK oleh Naib Canselor, Prof. Mukhtar A. Kurawa.

Haim Hilman berkata, dalam sesi itu, YUMSUK telah memohon khidmat kepakaran yang dimiliki UUM untuk membantu mereka dalam agenda pembangunan program akademik bagi bidang keusahawanan.

Menurutnya, demi agenda pengantarabangsaan universiti ini juga, UUM menyambut baik hasrat YUMSUK dan bersetuju untuk menyediakan pemantauan program bagi tujuan tersebut, di samping peluang kerjasama dalam bidang penyelidikan dan penerbitan yang boleh dijalankan segera.

Selain itu, kedua-dua pihak membincangkan program mobiliti pelajar dan pertukaran staf sebagai strategi serampang dua mata termasuk penghantaran staf YUMSUK mengikuti pengajian peringkat Doktor Falsafah di UUM.

Dalam masa sama, staf YUMSUK akan diberi bimbingan dan latihan untuk diserap di dalam pengurusan YUMSUK pada masa hadapan.

Perbincangan tersebut turut disertai Timbalan Naib Canselor (Pengurusan) YUMSUK, Prof. Abubakar S. Garba; Dekan SBM, Prof. Madya Dr. Shuhymee Ahmad; Pengarah CIAC, Prof. Madya Dr. Arpah Abu Bakar; Pengarah CEDI, Dr. Jauriyah Shamsuddin; Dekan TISSA-UUM, Prof. Dr. Nor Aziah Abd Manaf dan pegawai-pegawai kanan CIAC serta YUMSUK.



UUM Consider
UUM Footer

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.